

## KENYATAAN AKHBAR

10 Disember 2025

### **Hari Hak Asasi Manusia Sedunia 2025:**

### **Kebebasan Bersuara adalah Keperluan Harian; Hentikan Sekatan, Tumpukan Kemajuan**

Centre for Independent Journalism (CIJ) memperingati Hari Hak Asasi Manusia Sedunia (IHRD) 2025 dengan melihat semula cabaran dan kemajuan berkaitan hak bersuara (FOE) di Malaysia. Sewaktu dunia menghadapi pergolakan yang tidak pernah terjadi sebelumnya, peningkatan rasa tidak selamat dan penghakisan hak asasi manusia yang membimbangkan, Malaysia tidak ketinggalan dalam menghadapi perkembangan ini. Tema pada tahun ini, “Hak Asasi Manusia, Keperluan Harian Kita” memberikan peringatan bahawa hak asasi manusia, termasuk hak bersuara (FOE), adalah hak asasi manusia yang harus diberikan kepada semua individu sebagai sebuah keperluan yang membolehkan orang awam mencapai kesedaran diri dan menuntut semua hak ke atas kehidupan dan kelestarian sejagat.

Di Malaysia, tahun 2025 memperlihatkan perkembangan yang berterusan terhadap sekatan bersuara bagi hal yang bersifat politik dan 3R (bangsa, agama dan raja) di samping penindasan terhadap suara yang berasaskan moraliti/keagamaan. Walaupun terdapat janji untuk melaksanakan reformasi oleh kerajaan Madani, persekitaran FOE kekal tidak berubah dengan peningkatan penguatkuasaan menggunakan undang-undang yang bersifat luas dan menghukum.

#### **Perkembangan penting: Hak Mendapatkan Maklumat**

Kami telah menyaksikan kemajuan utama terhadap komitmen untuk mengadaptasi hak mendapatkan maklumat/undang-undang kebebasan maklumat. Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi telah menubuhkan Jawatankuasa Protam untuk mendraf Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat (FOI). Jawatankuasa Protam yang terdiri daripada agensi kerajaan, ahli akademik, Badan Peguam dan perwakilan pertubuhan masyarakat sivil - CIJ, C4 dan Article 19 - telah melengkapkan draf Rang Undang-undang FOI, sekali gus menjadi langkah pertama dalam mempromosikan amalan ketelusan dan kerajaan terbuka.

CIJ menekankan bahawa keberkesanan perundangan FOI adalah bergantung pada skop undang-undang yang kukuh dan substantif dengan pengecualian terhad dan mempunyai badan kawal selia yang bebas. Sebarang kompromi terhadap perkara ini akan mengurangkan keberkesanan undang-undang FOI.

#### **Perkembangan penting: Perhimpunan Aman**

Kami juga menyaksikan keputusan penghakiman yang penting oleh Mahkamah Persekutuan apabila mereka menetapkan bahawa Seksyen 9(5) dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (PAA) - yang menjenayahkan kegagalan memberikan notis awal kepada polis sebelum perhimpunan - adalah tidak berperlembagaan, kerana menyekat hak untuk berhimpun seperti yang termaktub melalui Artikel 10(1)(b) dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, reformasi di peringkat bawahan masih jarang berlaku. Misalnya, terdapat kehadiran polis yang ketara dalam perhimpunan yang dilakukan oleh aktivis yang berarak dari Taman Tugu ke Parlimen untuk menyerahkan memorandum sebagai gesaan untuk memansuhkan PAA dan Akta Hasutan. Hal ini mencetuskan ketegangan apabila disyaki pegawai polis melakukan kekerasan ke atas sebilangan aktivis mahasiswa. Tindak balas polis ini menimbulkan kebimbangan mengenai amalan polis, langkah-langkah penguatkuasaan, dan komitmen kerajaan dalam memastikan reformasi ke atas perhimpunan aman menjadi kenyataan.

### **Beberapa kemunduran dan kemajuan: Persekitaran Perundangan, CMA dan Akta Hasutan**

Sepanjang 2025, CIJ telah memantau sebanyak 233 siasatan dan penangkapan yang dijalankan di bawah undang-undang yang menyekat FOE, berbanding 189 pada 2024 - sebuah peningkatan sebanyak 23.28%. CMA kekal menjadi perundangan yang digunakan dalam menyekat FOE, yang digunakan serentak dengan Akta Hasutan yang berada di kedudukan kedua sebagai alat yang bersifat kekal dan menghukum dalam memantau ulasan dan wacana politik. Hal ini memperlihatkan bahawa perkembangan berterusan dalam menyekat ucapan politik dan 3R turut disusuli dengan sekatan berdasarkan nilai moraliti/keagamaan.

Selain itu, terdapat perkembangan penting seperti cabaran ke atas perlembagaan oleh aktivis hak pelarian, Heidy Quah, apabila mahkamah mengisytiharkan istilah 'jelik' dan 'menyakitkan hati' dalam versi prapindaan dalam Seksyen 233 CMA, sebagai tidak berperlembagaan kerana kabur, subjektif, dan tidak konsisten dengan Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun, keputusan kerajaan untuk membuat rayuan ke atas penghakiman yang berasaskan hak telah menimbulkan kebimbangan terhadap kekurangan reformasi dan bagaimana mereka akan memanfaatkan pindaan CMA yang bermasalah ini pada masa hadapan.

### **Beberapa kemunduran dan kemajuan: Kebebasan Media**

Media turut menghadapi ancaman berterusan melalui kes utama yang digunakan untuk menutup kritikan. Berasaskan laporan Malaysiakini, seorang wartawan iaitu Nantha Kumar telah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam 'kes perangkap' yang terjadi selepas beliau menerbitkan pendedahan mengenai sindiket penyeludupan migran di KLIA. Kes lain pula melibatkan penerbitan Sin Chew Daily mengenai ilustrasi Jalur Gemilang yang menyebabkan polis membuka siasatan di bawah PPPA dan Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963. Malah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) telah mengeluarkan saman sebanyak RM100,000 ke atas Sin Chew Media Corporation. Kami mendapati bahawa penggunaan undang-undang adalah gagal untuk memenuhi standard hak asasi manusia antarabangsa mengenai sekatan FOE - keabsahan, keperluan dan perkadaran.

Dalam kata lain, perkembangan ini memperlihatkan kawal selia yang berlebihan oleh pihak berkuasa Malaysia berdasarkan nilai-nilai kenegaraan, kepentingan politik serta risiko teknologi yang meliputi persekitaran media. Namun, dengan penubuhan Majlis Media Malaysia, terdapat harapan bahawa isu ini dapat diredakan - walaupun penyertaan dua wakil kerajaan, seperti yang ditetapkan dalam Akta Majlis Media 2025, berpotensi menjejaskan keupayaannya untuk menangani campur tangan politik atau eksekutif.

### **Kemunduran ketara: Hak Digital**

Peluasan pemantauan digital dan kuasa pengawalseliaan yang melampau telah memberi kesan ke atas hak digital. Cadangan kerajaan untuk mengetengahkan pengesahan elektronik secara mandatori melalui Know-Your-Customer (eKYC), yang disusuli cadangan bagi larangan media sosial untuk kanak-kanak di bawah umur 16 tahun, adalah sebuah penguatkuasaan rentas sempadan yang menunjukkan kuasa pemerintah ke atas ruang dalam talian. eKYC akan melibatkan dokumen pengenalan diri seperti passport, MyKad, atau MyDigital ID. Privasi dan perlindungan data menjadi sebuah isu yang membimbangkan tatkala pencerobohan data berlaku yang meliputi sektor awam dan swasta. Malah, penciptaan infrastruktur yang bermasalah seperti pengawasan sistemik dan berkaitan identiti telah melemahkan kerahsiaan identiti. Malah, kebimbangan mengenai larangan media sosial ini juga akan mengganggu hak terhadap perkembangan kanak-kanak sekali pun penyelidikan antarabangsa menegaskan bahawa media sosial memainkan peranan penting untuk membantu kanak-kanak membina komuniti, menguasai literasi digital, dan mengakses jaringan bantuan secara dalam talian.

Kami memaklumi bahawa mencegah penipuan, bahaya dalam talian, dan memastikan perlindungan kanak-kanak adalah penting, namun kita haruslah meneliti isu ini secara mendalam dengan melibatkan lebih banyak rundingan, kawal selia bebas dan penyelesaian terhadap punca masalah.

### **Kemunduran ketara: Peningkatan penapisan dan penyekatan ekspresi gender**

Penapisan adalah meningkat di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA) apabila sebanyak 24 penerbitan diharamkan pada tahun 2025. Untuk perinciannya, sebanyak 21 buah buku yang diharamkan ini adalah justifikasi yang diambil dari sudut “moraliti awam”, dengan menumpukan pada kandungan berkaitan gender, seksualiti dan identiti. Peningkatan penapisan ini mengulangi perkembangan yang berlaku sewaktu pentadbiran Najib Razak pada tahun 2017 apabila 45 penerbitan telah diharamkan, sekali gus merekodkan pengharaman tertinggi. Jika kawalan agresif yang dibuat ketika era Najib bertumpu pada penerbitan kandungan politik, kini penapisan adalah berasaskan alasan moral atau keagamaan. Penguatkuasaan yang tidak seimbang telah menyebabkan serbuan atau siasatan ke atas premis persendirian atau acara yang dikaitkan dengan LGBTIQ+ telah memberi tekanan terhadap ekspresi berasaskan identiti dan penyertaan awam.

Perkara ini juga terlihat sewaktu bagaimana artis, penggiat kebudayaan dan penulis menghadapi pengawasan moral dan penguatkuasaan sewenang-wenangnya melalui perundangan kawal selia yang disalah guna serta standard moraliti yang kabur terhadap satira, video muzik, konsert, dan seni tradisional. Secara tidak langsung, amalan ketakutan tersebar dan membawa pada penapisan sendiri dan ancaman terhadap daya hidup persekitaran yang berasaskan kebudayaan dan kesenian.

### **Seruuan Untuk Bertindak**

Berikutan perkembangan ini, CIJ menggesa kerajaan untuk mengutamakan hak asasi manusia dan kebebasan bersuara sebagai asas bagi tadbir urus. Secara khusus, kami menuntut:

1. **Pemansuhan atau pindaan menyeluruh terhadap undang-undang yang menekan**, termasuk Akta Hasutan, CMA, Akta Rahsia Rasmi dan Akta Perhimpunan Aman.
2. Menubuhkan **badan kawal selia dari pelbagai pemegang taruh yang bebas dalam tadbir urus platform**, termasuk pengawasan bebas, dengan memberi tumpuan kepada reka bentuk dan sistem platform berbanding hanya memberi fokus utama kepada pengawalan kandungan.
3. Memastikan **Majlis Media Malaysia (MMC) mendapat sumber dana yang mencukupi dan beroperasi sepenuhnya bebas**, dengan perlindungan untuk mengelak campur tangan menteri atau politik.
4. **Menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat di peringkat persekutuan tanpa sebarang penangguhan**, dengan memastikan bahawa ia termasuk
  - a. **Menubuhkan Suruhanjaya Maklumat Bebas,**
  - b. **Menetapkan garis masa yang jelas dan prosedur pendedahan, serta**
  - c. **Mengenakan pengecualian terhad dan berkadar.**

### **Laporan CIJ: *Report on the State of Freedom of Expression in Malaysia 2025***

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk memajukan FOE di Malaysia, CIJ telah menerbitkan [\*Report on the State of Freedom of Expression in Malaysia 2025\*](#), bersempena Hari Hak Asasi Manusia Sedunia. Laporan ini menekankan perkembangan utama, termasuk peningkatan langkah-langkah yang bersifat menekan, cabaran dalam hak digital, ruang yang mengecil untuk kebebasan kesenian dan media di samping perkembangan positif dalam hak mendapatkan maklumat, perhimpunan aman dan keputusan penting yang berlaku sepanjang 2025.

**10 Disember 2025**

**Wathshlah G. Naidu**

**Pengarah Eksekutif CIJ**

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Lim Jih-Ming melalui [comms@cijmalaysia.net](mailto:comms@cijmalaysia.net)

*Centre for Independent Journalism adalah sebuah pertubuhan bukan untung yang memiliki aspirasi untuk masyarakat demokratik, adil dan bebas yang mana semua individu akan menikmati media yang bebas dan kebebasan untuk bersuara, mencari dan menyebarkan maklumat.*